

PENGGUNAAN AZIMAT PELARIS PERNIAGAAN MENURUT PERSPEKTIF AKIDAH ISLAM

(The Use of Business Lures from the Islamic Perspective)

Mohd Nizam Sahad
nizamsahad@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA.
Tel.:+604-6536030.

Abstrak

Fenomena penggunaan pelaris dalam kalangan peniaga Melayu dilihat amat meluas. Pelaris yang menjadi tumpuan perbahasan dalam makalah ini ialah pelaris yang mengandungi ciri mistikal yang melibatkan alam ghaib dan ilmu kearifan tempatan yang hanya diketahui oleh segelintir pengamalnya. Sebagai contoh, penggunaan azimat, tangkal, “ibu duit” dan wafak serta gambar orang soleh yang dianggap mempunyai kuasa melariskan perniagaan mereka. Makalah ini bertujuan mengkaji fenomena penggunaan pelaris tersebut dalam kalangan peniaga Melayu dengan menjadikan akidah Islam sebagai kayu ukur bagi menganalisis sama ada penggunaan pelaris tersebut bercanggah atau tidak dengan ajaran Islam. Kajian kepustakaan dilakukan bagi memperoleh data mengenai perspektif akidah Islam terhadap pelaris, manakala kajian lapangan yang melibatkan temu bual dan pemerhatian dilakukan terhadap informan kajian di premis perniagaan di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat segelintir peniaga Melayu yang masih menggunakan pelaris daripada jenis wafak, azimat dan gambar orang soleh. Mereka mempercayai pelaris ini dapat melariskan perniagaan yang diusahakan mereka. Kajian juga mendapati bahawa kepercayaan terhadap pelaris semata-mata tanpa menghubungkan bahawa hakikat yang memberi rezeki ialah Allah dapat menjejaskan akidah Islam dan membawa kepada dosa mensyirikkan Allah.

Kata kunci : azimat pelaris, peniaga Melayu, akidah, wafak, tangkal

Abstract

The phenomenon of using lures among Malay traders is very widely seen. The types of lure focused on in this article are lures that have some mystical features involving the supernatural, and those of local knowledge known only to a few practitioners. For example, the use of amulets, talismans, ibu duit (lit. “money mother“, i.e. money multipliers), wafaq (mystical diagrams) and images of pious people which are popular lures. This article aims to examine the phenomenon of lures by using the Islamic faith as a tool to analyse whether the use of such conflict with Islamic teachings. A literature review was conducted to obtain data on the perspective of the Islamic faith towards lures, while a field study involving interviews and observations of informants and business premises in the northern region of Peninsular Malaysia. The study found that there are some Malay traders who still use the lures such as wafaq, amulets, and images of pious people. They believe that such lures will bring in good business. The study also found that believing in the power of lures without bearing in mind that Allah is the Provider may lead to the sin of shirk (believing in a power other than Allah).

Keywords: lure, Malay traders, aqidah, wafaq, amulets

PENDAHULUAN

Penggunaan azimat merupakan satu fenomena yang berlaku secara meluas kepada semua bangsa dan etnik di dunia. Hal ini disifatkan sebagai satu fenomena masyarakat dan praktis universal. Kajian lepas menunjukkan sedemikian. Contohnya dalam *Journal of American Folk-Lore* (1981), termuat satu makalah bertajuk “*The Amulet Collection of Professor Belucci*” yang dibentangkannya di Annual Meeting of the American Folk-lore Society pada 29 November 1890 di Washington D.C. Makalah tersebut memaparkan koleksi azimat dan tangkal Profesor Belucci Thomas Wilson yang dikumpulkan daripada pelbagai etnik dan tempat dari seluruh dunia. Beliau yang berbangsa Itali telah berjaya mengumpulkan sejumlah 412 spesimen azimat yang dikatakan mengandungi pelbagai fungsi seperti pelindung daripada sihir (39 objek), pelindung daripada kejahatan mata (*ain al-hasid*), azimat daya penarik dan pengasih (149 objek), pelindung daripada pencuri (1 objek), azimat pengasih untuk percintaan (2 objek), penyembuh penyakit buasir (5 objek), pelindung daripada racun serangga (6 objek) dan sebagainya. Azimat tersebut datang dalam pelbagai bentuk seperti pingat gangsa, kuku badak sumbu, kulit ular kering, objek kristal, karang, dan sebagainya.

Sementara itu, Geert Mommersteeg dalam makalahnya yang bertajuk “Allah’s Words as Amulet” dalam jurnal *Etnofoor* turut mengupas mengenai penggunaan nama Allah, selawat dan wafak tertentu sebagai azimat. Kajian beliau yang dilakukan di Sudan turut mengetengahkan contoh azimat dalam ilmu pengasih yang diamalkan oleh masyarakat di sana. Begitu juga kajian terperinci dan menarik yang dilakukan oleh Tewfik Canaan dalam mentafsirkan makna di sebalik azimat yang ditulis dalam bahasa Arab. Makalah beliau yang bertajuk “The Decipherment of Arabic Talisman” banyak membuka jalan kepada penulis dalam memahami erti dan tafsiran kepada rahsia ayat, abjad dan nombor, walaupun tidak sepenuhnya lantaran kearifan tempatan Nusantara yang sedikit berbeza daripada amalannya di Timur Tengah.

Begitulah juga di alam Melayu, penggunaan azimat ini agak meluas pada satu ketika dahulu dan pada masa sekarang masih ada dalam kalangan orang Melayu yang bergantung pada azimat. Kenyataan ini dapat dibuktikan daripada himpunan dan koleksi manuskrip Melayu di bawah tajuk “Petua dan Azimat” di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Menurut Puan Nordiana Ahmad Tajudin, pegawai di Perpustakaan Negara Malaysia terdapat sejumlah 195 buah manuskrip berkaitan petua dan 169 buah manuskrip berkaitan azimat. Hal ini membuktikan kearifan tempatan mengenai azimat amat mempunyai khazanah ilmunya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk mencari individu yang mampu memahami azimat tersebut kerana ditulis dalam tulisan manuskrip Melayu lama dan mengandungi rajah, wafak, jadual, susunan serta rangkaian huruf-huruf yang sukar untuk dimengerti.

Begitulah juga kajian dan tulisan para kolonial British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 yang memperlihatkan unsur magis dan mistik dalam kehidupan seharian orang Melayu. Sebagai contoh R.O. Winstedt, dalam bukunya *Shaman Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic* banyak memaparkan unsur keluarbiasaan yang melibatkan penggunaan azimat dan wafak dalam amalan orang Melayu. Antaranya penggunaan rajah empat segi yang dilakarkan pada daun atau kertas dan ditanam di tengah-tengah sawah atau empat penjuruanya yang dipercayai akan dapat memastikan padi terselamat daripada ancaman tikus dan binatang perosak. Begitu juga azimat yang digantung pada leher bayi yang enggan menyusu dengan ibunya akan membuatkan bayi tersebut kembali menyusu (1925:163).

Sememangnya pengkaji Barat amat berminat dalam hal magis dan mistik masyarakat Nusantara. Kajian berbentuk tulisan jurnal daripada pengalaman dan pemerhatian mereka banyak diterbitkan dan memberikan gambaran bahawa masyarakat tempatan sememangnya amat rapat dengan pemikiran mistik sebegini. Buku garapan Nina Epton (1974) bertajuk *Magic and Mystics of Java* memperlihatkan

dunia magis dan mistik di Pulau Jawa yang dikaitkan dengan kehidupan bangsawan di keraton (istana) di sana, dan juga amalan ilmu hitam dalam kalangan masyarakatnya. Dalam tulisannya, beliau menyatakan bahawa terdapat dalam kalangan pengusaha perusahaan batik yang menggunakan bantuan makhluk ghaib (*spirit*) untuk tujuan keuntungan dalam perniagaan sehingga terpaksa melakukan jamuan korban sebagai imbalan.

... Several important batik manufacturers of Jogjakarta keep spirits tujluns in their house who help them to prosper in their business in return for certain sacrifices, preferably human. This does not imply that the batik manufacturers hold periodical holocausts of elements selected from their ageing or least efficient workers-such a practise would hardly be conducive to the development of the industry. No, the pact is carried out more subtly than that. The tujlun itself brings about the apparently natural death of the workers marked for it in the factory by the provision of special food. It is not excessively greedy and does not take a toll of more than one or two craftsmen per year, so that no suspicions are aroused.

Sementara itu, karangan Walter William Skeat (1900) bertajuk *Malay Magic: Being Introduction to Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula* menyediakan maklumat kepada corak pemikiran dan agama masyarakat tempatan khususnya tentang amalan magis dan mistik. Beliau yang hidup antara tahun 1835 hingga 1912 telah mengabdikan diri hidup dalam hutan tropika untuk memahami budaya hidup masyarakat asli di Tanah Melayu. Karangan beliau menyediakan satu gambaran jurnal kehidupan masyarakat tempatan pada abad ke-19 Masihi khususnya yang berkaitan pemikiran magis dan mistik di Tanah Melayu.

Selain itu, makalah tulisan R.O. Winstedt yang bertajuk “Notes on Malay Magic” terbitan *JMBRAS*, Jilid III, Bahagian III pada tahun 1925 turut memuatkan perihal penggunaan azimat. Antara lain makalah ini memuatkan perihal ilmu sihir atau *black magic* yang pernah dikuasai oleh orang Melayu untuk tujuan membalas dendam dan niat jahat yang lain. Kaedah membalas dendam tersebut juga melibatkan penggunaan azimat. Begitu juga dengan penggunaan jampi mantera dalam ilmu pengasih yang kebiasaannya melibatkan penggunaan azimat turut pernah disentuh dan ditulis oleh A.W. Hamilton yang bertajuk “Malay Love Charms” dalam *JMBRAS*, Jilid IV, 1926.

Dalam *Sejarah Melayu* juga, walaupun tidak secara jelas menunjukkan penggunaan azimat dalam perniagaan, kepercayaan dan pemikiran mistik yang mempercayai keanehan pada binatang yang ditemui ketika membuka pusat perdagangan sebagai petanda tempat yang baik atau tidak turut menarik perhatian pengkaji. Binatang seperti singa dengan sifat gagahnya dikaitkan dengan pembukaan

Singapura oleh Seri Teri Buana. Biawak yang melambangkan alamat buruk dan kesialan turut dikaitkan dengan pembukaan tempat berekonomi oleh Raja Iskandar Syah di hulu Muar yang akhirnya tidak berkembang pesat. Pembukaan negeri Melaka pula dikaitkan dengan pelanduk cerdik yang mengalahkan seekor anjing perburuan Raja Iskandar Syah. Menurut baginda, jika peristiwa yang luar biasa itu boleh berlaku kepada binatang, tentu keadaan yang lebih lagi boleh berlaku kepada manusia di tempat tersebut (Haron, 1989:203-04). Cerita tersebut melambangkan cara berfikir masyarakat tempatan yang begitu mempercayai keanehan dan unsur mistik sebagai perlambangan dan alamat dalam menentukan baik buruknya masa depan dalam aktiviti perekonomian mereka.

Di samping itu, terdapat juga kajian kontemporari lepas mengenai penggunaan azimat di alam Melayu yang telah diterbitkan. Antaranya termasuklah buku kajian yang dilakukan oleh Ahmad Zuhairi (1999) yang bertajuk *Amalan Mistik dan Kebatinan serta Pengaruhnya terhadap Alam Melayu*. Kajian beliau antara lain mengupas secara mendalam mengenai persoalan mistik dan kebatinan yang melibatkan amalan perbomohan serta amalan tasawuf yang bercanggah dengan syariat. Beliau turut mengupas mengenai amalan pelaris dalam ekonomi masyarakat Melayu, namun kupasannya secara sepintas lalu sahaja dan tidak mendalam. Dari sudut latihan ilmiah yang dilakukan dalam hal penggunaan azimat dalam kalangan orang Melayu, terdapat beberapa kajian seperti yang dilakukan oleh Mohd. Fahrur Rozi Ismail (2006) yang bertajuk “Kepercayaan Masyarakat Melayu terhadap Tangkal dan Azimat: Kajian Menurut Perspektif Islam” dan Latifah Ali (1990) yang bertajuk “Kepercayaan Orang-orang Melayu terhadap Tangkal dan Azimat: Pandangan Islam terhadapnya, Satu Kajian di Daerah Dungun, Terengganu Darul Iman”.

Sorotan kajian dan karya lepas tersebut menyediakan landasan teori kepada penulis untuk lebih memahami persoalan azimat dan secara jelas memaparkan lompong kajian yang sememangnya wujud, iaitu mengenai hasrat penulis mengkaji persoalan penggunaan azimat sebagai pelaris dalam perniagaan yang kurang disentuh secara komprehensif dan mendalam dalam kajian lepas.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Hukum mengenai penggunaan azimat yang jelas mengandungi unsur syirik adalah haram di sisi akidah Islam. Dosa syirik ini ialah dosa besar dan merupakan kezaliman besar dari sudut amalan dan akidah kepada Allah SWT. Dewasa ini, walaupun penggunaan azimat dilihat semakin berkurangan kerana adanya hukum dan fatwa daripada pihak berkuasa agama tentang haramnya hukum kepercayaan dan penggunaan azimat yang jelas kesyirikannya, namun masih terdapat segelintir

masyarakat Melayu yang masih mempercayai dan menggunakannya. Penggunaan azimat terutamanya digunakan sebagai pelaris perniagaan, pendinding daripada musibah dan makhluk jahat, serta sebagai satu kaedah perawat kepada pelbagai penyakit. Hal ini jelas menampakkan satu fenomena bahawa sebahagian pemikiran masyarakat Melayu terdahulu yang mempercayai hal magis dan mistik masih berpengaruh pada segelintir masyarakat Melayu dewasa ini.

Dari sudut pandangan yang lain, fenomena penggunaan azimat ini tidaklah harus dihukum salah dan haram secara mutlak sebelum dikaji dan dipastikan kebenarannya dan keabsahannya dari sudut praktisnya. Pernyataan ini dipetik daripada pandangan Prof. Madya Zakaria Mustaffa dari UiTM Shah Alam dalam program Bicara Manuskrip Melayu di UiTM yang dihadiri penulis pada 4 Jun 2013 yang menekankan bahawa sesuatu warisan ilmu Melayu tidak harus dihukum sesat dan salah sebelum dikaji. Bertitik tolak daripada pandangan sarjana ini telah mencetuskan minat dan menjadi pendorong kepada penulis untuk terus mengkaji kearifan tempatan khususnya warisan ilmu orang Melayu ini terhadap penggunaan azimat pelaris khususnya dalam bidang perniagaan.

Rentetan daripada latar belakang di atas, fenomena penggunaan azimat pelaris ini menjadi satu persoalan yang menarik untuk dikaji terutamanya dari sudut hukum dan akidah Islam sama ada penggunaannya diharuskan atau pun dihukumkan haram. Oleh sebab itu, kajian ini berhasrat mengkaji fenomena penggunaan azimat dalam kalangan peniaga Muslim dengan matlamat untuk mengetengahkan pandangan akidah Islam terhadapnya. Hal ini amat penting dihubungkan supaya matlamat keuntungan material dalam perniagaan tidaklah sampai menggadaikan prinsip akidah Islam. Kejayaan sebenar dalam perniagaan adalah untuk memperoleh untung dengan jalan yang dibenarkan syarak dan tidak menanggung kerugian kesan daripada dosa tersalah pegangan akidah dan pemikiran terhadap sesuatu yang diamalkan, apatah lagi dosa syirik yang tidak diampunkan oleh Allah SWT. Maka kajian ini dilihat mempunyai kepentingan untuk dikaji, supaya dapatan kajiannya membangkitkan kesedaran kepada para peniaga untuk menilai kembali amalan perniagaan mereka yang besar kemungkinan bercanggah dengan kehendak syariat Islam.

Dari sudut metodologi kajian, kaedah kajian gabungan antara kajian kepustakaan dan kajian lapangan digunakan dalam mengkaji fenomena penggunaan azimat pelaris ini. Kajian kepustakaan melibatkan pencarian dan penggunaan sumber dan data daripada dokumen sama ada buku, jurnal, manuskrip dan sebagainya. Bagi tujuan ini, pengkaji memanfaatkan bahan yang ada di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan di School of Oriental and African Studies, University of London. Kajian lapangan yang dilakukan melibatkan temu bual dengan responden kajian yang menggunakan azimat

dalam perniagaan mereka dan pemerhatian terhadap premis perniagaan mereka dilakukan di sekitar negeri wilayah utara Semenanjung Malaysia merangkumi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang sebagai skop lokasi kajian. Tiga negeri ini dipilih lantaran tinjauan awal pengkaji yang mendapati bahawa fenomena penggunaan pelaris ini diamalkan oleh segelintir peniaga di tiga buah negeri ini. Seramai tiga peniaga yang menjadi responden utama dipilih untuk ditemu bual bagi mendapatkan gambaran sebenar berhubung fenomena penggunaan pelaris dalam perniagaan mereka. Namun sebelum dikemukakan analisis perbincangan mengenai penemuan di lapangan, penulis akan menyetengahkan terlebih dahulu konsep yang berhubungan dengan azimat pelaris perniagaan menurut perspektif Islam.

KONSEP AZIMAT PELARIS PERNIAGAAN MENURUT ISLAM

Perniagaan merupakan pekerjaan mulia dalam usaha mencari rezeki. Nabi Muhammad SAW sendiri terlibat secara langsung dalam dunia perniagaan. Bahkan sahabat-sahabat besar Nabi Muhammad SAW sendiri seperti Saidina Abu Bakar, Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin Auf dan ramai lagi terlibat dalam dunia perniagaan dan perdagangan. Malahan ajaran Islam sendiri amat menggalakkan umatnya mencari rezeki melalui perniagaan sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Sembilan daripada sepuluh pintu rezeki itu datangnya daripada berniaga” (hadis riwayat Ahmad). Hal ini jelas menunjukkan galakan supaya umat Islam terlibat dalam dunia perniagaan dalam memartabatkan ekonomi masing-masing.

Bagi menjayakan perniagaan pula, usaha melariskan jualan perlu dimaksimumkan. Dalam hal ini, terdapat segelintir peniaga yang menggunakan azimat sebagai pelaris. Menurut Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-40 yang bersidang pada 9 Ogos 1996 telah membincangkan khurafat dan penggunaan azimat menurut perspektif Islam. Menurut fatwa tersebut, azimat ialah suatu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudaratkan orang lain dengan menggunakan objek dan ayat tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semula jadi apabila dijumpi atau dipuja. (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/khurafat-dan-azimat-menurut-perspektif-islam>, capaian pada 31 Oktober 2013) Takrifan ini, walaupun dikeluarkan oleh badan rasmi kerajaan, dilihat masih longgar. Hakikatnya, ramai yang tersalah faham apabila menjatuhkan hukum terhadap penggunaan azimat. Pandangan umum masyarakat awam memandang negatif secara total lantaran persepsi bahawa azimat amat sinonim dengan alam mistik yang mempunyai kaitan dengan penggunaan jin sebagai medium bagi memperlihatkan

keberkesanannya. Namun demikian, apakah pandangan ini benar? Pengalaman dan pandangan penulis sendiri sebelum membuat penelitian lanjut terkhilaf lantaran pandangan umum ini. Sebagai contoh, rakan penulis pernah meminta seorang ustaz untuk membuat azimat untuk mengubati anaknya yang sering menangis tanpa sebab. Azimat tersebut ditulis ayat al-Quran padanya lalu dipintal dan dililit pada badan bayi dan akhirnya bayi tersebut berhenti menangis. Lalu penulis bertanya, tidak salahkah berbuat begitu?

Bagi merungkai permasalahan dalam menentukan keabsahan penggunaan azimat, maka penulis mencadangkan supaya azimat dibahagi kepada dua, iaitu azimat yang syarii dan tidak syarii. Azimat syarii bermaksud penggunaan jampi sama ada melalui bacaan dan tulisan ayat-ayat suci al-Quran atau nama-nama Allah yang difahami dan jelas maknanya serta tidak mengandungi unsur-unsur yang mensyirikkan Allah. Iktikad dalam pemikiran dan kepercayaan terhadap kaedah yang digunakan adalah sebagai cara, manakala hakikat yang memberikan kesan dan keizinan dalam pencapaian maksud dan tujuan tersebut ialah Allah SWT sendiri. Dalam hal ini, Raffles Sabirin (2011:236) dalam bukunya *Pengubatan al-Qur'an* menjelaskan beberapa contoh azimat yang dibenarkan syarak seperti bacaan ayat-ayat al-Quran pada air lalu ia diminum. Begitu juga perbuatan menggantung surah-surah atau ayat-ayat al-Quran dan asmaulhusna dalam bingkai gambar untuk keberkatan dan keselamatan yang tergolong dalam perbuatan memakai azimat yang diharuskan.

Dari perspektif akidah Islam, perbincangan tentang azimat ini sering kali dikaitkan dengan istilah *al-Tama'im* yang terdapat dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin Mas 'ud bahawa Rasulullah SAW bersabda yang membawa maksud: "Sesungguhnya jampi-jampi (*al-Ruqa*), azimat-azimat (*al-Tama'im*) dan gunaguna (*al-Tawallah*) ialah perbuatan syirik". Perkataan *al-Tama'im* ini bermaksud azimat yang kebiasaannya digantung oleh orang Arab pada anak kecil mereka untuk mengelakkan terkena penyakit *al-'Ain* yang kemudiannya digunakan ungkapan tersebut secara meluas kepada azimat yang lain. Penggunaannya dikaitkan dengan perbuatan mensyirikkan Allah dalam hadis tersebut kerana menjadi kebiasaan orang Arab Jahiliyah yang mempercayai azimat yang digantung itu memberikan kesan dan sebab kepada kesihatan dan terselamat daripada mara bahaya. Kesyirikan itu disebabkan bergantung dan bertawakal selain kepada Allah dan dalam hal ini bergantung semata-mata pada azimat tersebut. Namun demikian jika azimat tersebut berupa nama-nama Allah dan ayat-ayat al-Quran yang digantung dengan niat mendapat keberkatan daripada hal mengingati Allah dengan percaya bahawa Allah sahaja yang Maha PENDING dan PENYEMBUH, maka hal yang demikian tidaklah dilarang (al-

Saqaf, 1998:736). Namun demikian, ada juga pandangan daripada sahabat Nabi SAW seperti Ibn Abbas dan Ibn Mas'ud yang melarang penggunaan apa jua bentuk azimat atas maksud umum hadis yang dibicarakan tersebut. Pandangan ini disokong oleh Soleh Fauzan (1999:80) dengan alasan bahawa larangan dalam hadis adalah secara umum dan tiada dalil yang mengkhususkannya. Berpegang kepada hukum haram adalah bertujuan untuk pencegahan daripada terjebak menggunakan azimat yang tidak dibolehkan dan alasan seterusnya supaya ayat al-Quran tidak terhina dengan dibawa masuk ke tempat yang tidak sepatutnya seperti tandas. Maka dalam hal ini jelas menampakkan perselisihan pandangan dalam hal penggunaan azimat dan masing-masing mempunyai hujah dan alasan yang tersendiri.

Sementara itu, perkataan pelaris menurut *Kamus Dewan* (1998) pula ialah jampi atau penawar yang boleh menjadikan jualan atau barangan lain laris. Menurut penulis, definisi ini dari segi cakupannya juga agak sempit kerana konsep pelaris dalam Islam itu pada hakikatnya lebih luas, iaitu merangkumi pelaris yang sah di sisi syarak dan yang tidak sah di sisi syarak. Pelaris tidak terbatas pada tindakan yang melibatkan jampi dengan pertolongan bomoh yang bertawassul dengan makhluk halus, tetapi melibatkan elemen strategi dalam perniagaan yang dibenarkan ajaran Islam atau sebaliknya. Sebagai contoh, seorang peniaga restoran yang mengambil pekerja dalam kalangan wanita seksi dan tidak menutup aurat dengan niat untuk menarik perhatian atau menjadi pelaris untuk pelanggan lelaki datang makan dan minum di kedainya, maka sudah tentu hal ini bertentangan dengan syarak. Sungguhpun, niatnya untuk melariskan dan memperoleh keuntungan itu tiada salahnya, namun tindakannya itu bertentangan dengan kehendak syarak. Dalam erti kata lain, matlamat baik tidak menghalalkan cara yang tidak baik. Contoh yang lain, jika sekiranya peniaga sesebuah restoran mengambil tindakan membuat solat hajat dan kenduri pada hari pertama pembukaan premis perniagaannya dengan niat untuk berdoa secara berjemaah supaya perniagaannya laris dan berjaya serta untuk tujuan memperkenalkan masakan dan menu istimewanya, maka sudah tentu tindakan tersebut tidak salah dan diharuskan di sisi syarak kerana termasuk dalam hal bersedekah dan bermunajat hanya kepada Allah. Berdasarkan perbincangan tentang takrifan pelaris dan azimat dapat memberikan indikasi yang berbeza dan perlu kepada penilaian semula dan penghuraian lanjut mengenainya. Begitulah juga, apabila makalah ini menggabungkan istilah azimat pelaris memberikan gambaran bahawa di dalamnya terdapat konsep yang perlu difahami dari sudut nilai keharusan dan kebatilannya dalam ajaran Islam.

Dalam hal ini juga, Islam telah meletakkan syarat tertentu dalam hal ehwal perniagaan. Ada perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan dalam sesuatu perniagaan. Sememangnya, matlamat sesuatu perniagaan adalah untuk melariskan

jualan supaya beroleh keuntungan, namun peniaga diminta supaya tidak mensyirikkan Allah dan melanggar syariat Islam. Maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa konsep “azimat pelaris” dalam Islam terbahagi kepada dua, iaitu ada azimat pelaris yang dibenarkan syarak dan ada yang sebaliknya. Penggunaan azimat pelaris yang dibenarkan ini bergantung pada niat dan amalan yang berlandaskan syarak serta tidak bertentangan dengan akidah tauhid. Dalam hal ini, Hasan ‘Ali al-Saqaf (1998:737) pernah menyebut bahawa penggunaan manik biru sama ada dalam bentuk ikatan atau simpulan atau dalam apa jua bentuk untuk tujuan dan niat perhiasan pada premis perniagaan dibenarkan selagi bukan bertujuan sebagai pendering. Penggunaan pelaris yang bertentangan dengan syarak ialah pelaris yang melibatkan penggunaan perantaraan makhluk seperti jin, amalan pemujaan dan khurafat yang melibatkan kepercayaan dan keyakinan bahawa kuasa yang memberi rezeki datangnya selain daripada Allah. Oleh sebab itu, perbincangan seterusnya dalam makalah ini mengenai kaedah azimat pelaris yang digunakan oleh para peniaga yang kemudiannya nanti akan dianalisis menurut neraca dan fakta perspektif akidah Islam.

KAEDAH AZIMAT PELARIS

Dari sudut kaedah azimat pelaris, terdapat pelbagai cara yang digunakan oleh para peniaga untuk tujuan melariskan perniagaan mereka. Dalam kajian ini, metode kepustakaan, temu bual dan pemerhatian digunakan untuk mengenal pasti kaedah atau cara azimat pelaris perniagaan yang digunakan. Bahagian ini memaparkan terlebih dahulu data yang akan dianalisis dan dibincangkan berikutnya. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima kaedah azimat pelaris perniagaan yang boleh ditekankan seperti yang berikut:

Tangkal yang Dijampi

Menurut temu bual dengan peniaga A, berusia 68 tahun di Permatang Sintok, Pulau Pinang, terdapat segelintir peniaga yang menggunakan tangkal tertentu yang diperoleh daripada pawang dan bomoh. Tangkal tersebut dijampi terlebih dahulu dan diletakkan di ruang tertentu dalam sesebuah kedai. Pada kebiasaannya, tangkal diletakkan di bahagian atas pintu masuk kedai atau restoran serta di dalam laci duit di kaunter bayaran. Pengalaman beliau yang mengusahakan perniagaan santan dan kelapa di pasar Bagan Ajam turut pernah menggunakan pelaris yang diberikan kepadanya oleh seorang kenalan dari Kampung Tok Sirun, Kedah. Pelaris tersebut terdiri daripada secebis kiswah Kaabah, duit kertas RM10, sehelai daun sirih dan wafak. Menurut beliau, bahan tersebut perlu diletakkan secara terhampar, lalu

diletakkan dalam sebuah buku yang disimpan di dalam laci di kedainya. Namun ada syarat tertentu untuk bahan tersebut. Bahan ini perlu diperasap dengan kemenyan pada waktu-waktu tertentu. Dengan penggunaan pelaris yang sedemikian, beliau berkata bahawa perniagaannya begitu laris dan beroleh keuntungan yang lumayan. Namun setelah sampai satu ketika, beliau memikirkan kembali baik buruk penggunaan pelaris tersebut dari kaca mata Islam dan timbul kesedaran dalam dirinya untuk tidak menggunakannya lagi. Beliau mengubah kedudukan bahan pelaris tersebut dan akhirnya bahan tersebut hilang begitu sahaja.

Sepanjang tempoh perniagaan beliau, beliau juga pernah terkena “buatan orang” apabila perniagaannya semakin hari semakin malap dan rugi. Beliau turut memohon bantuan bomoh yang dapat mengenal pasti orang yang dengki dan melakukan sihir terhadap perniagaannya. Bomoh yang ditemuinya menyatakan bahawa pelakunya datang daripada seorang taukeh Cina yang menggunakan khidmat sami di Kuala Lumpur untuk memusnahkan perniagaannya. Akhirnya, bomoh yang ditemuinya memulangkan dan membalas kembali perbuatan taukeh Cina tersebut. Taukeh Cina tersebut akhirnya insaf dan datang meminta maaf kepadanya.

Menurut peniaga B, seorang pengusaha restoran di Perlis pula, tangkal tersebut diletakkan di bahagian bawah meja atau di dalam laci duit. “... Biasanya, depa letak bawah laci duit. Depa panggil “ibu duit”, dok panggil duit masuk dalam laci”.

Menurut Ahmad Zuhairi (1999:238-39), penggunaan “ibu duit” atau memiliki sesuatu objek yang mempunyai isi atau fungsi melariskan perniagaan merupakan amalan kebiasaan kepada sesetengah peniaga. Mereka mengunjungi bomoh atau dukun tertentu untuk mendapatkan azimat dan tangkal sebagai pelaris. Mereka turut mengamalkan perbuatan tertentu atau janji tertentu untuk mempermudah pencarian rezeki. Unsur pemujaan sama ada secara langsung atau tidak langsung dijalankan. Barang-barang seperti duit, ubi tunggak atau seterika kepala ayam yang cukup syarat untuk dipuja bagi mendapat sejumlah harta yang besar.

Gantungan Gambar Tokoh

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat peniaga yang menggantung gambar tokoh dan ulama tertentu sebagai azimat pelaris. Kepercayaan yang wujud di sebalik amalan menggantung gambar ini ialah cara ini dapat melariskan jualan kerana gambar tokoh yang digantung mempunyai keramat tertentu. Antara gambar yang sering dilihat digantung di premis perniagaan di wilayah utara Semenanjung Malaysia ialah gambar Abdullah Fahim, Sultan Abdul Hamid, Wali Songo dan Tok Kenali. Segelintir daripada mereka percaya dengan kekeramatan tokoh tersebut mampu melariskan dan menguntungkan perniagaan mereka. Di Kepala Batas, Pulau Pinang



Rajah 1 Gambar Tok Kenali, Sultan Abdul Hamid Shah, Sultan Kedah ke-26 (1882-1943) dan burung cenderawasih.



Rajah 2 Gambar Sheikh Abdullah Fahim.

misalnya, iaitu tempat asalnya kemasyhuran ulama bernama Abdullah Fahim (datuk kepada Perdana Menteri Ke-5, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi), gambarnya menempati kebanyakan restoran dan premis perniagaan di sana. Majoriti dalam kalangan peniaga yang menggantungkan gambar beliau mempercayai kekeramatan yang ada pada ulama Abdullah Fahim. Malah terdapat dalam kalangan responden yang menceritakan kepada pengkaji bahawa terdapat sebuah premis perniagaan di Kepala Batas yang tidak menguntungkan walaupun diusahakan oleh peniaga yang berbeza-beza sampai sekarang lantaran pernah satu ketika, semasa hayat Abdullah Fahim, pemilik premis perniagaan tersebut menganiayai beliau dalam urusan jual beli. Dalam hal ini, jelas menampakkan pemikiran dan kepercayaan akan kekeramatan yang ada pada Abdullah Fahim.

Begitu juga gambar Sultan Abdul Hamid Shah, Wali Songo dari Pulau Jawa dan Tok Kenali yang dikenali di negeri Kelantan yang dianggap mempunyai kekeramatan tertentu yang sering digantung gambarnya di premis perniagaan.

Burung Cenderawasih

Ada juga para peniaga yang percaya kepada burung cenderawasih atau ekor bulunya sebagai pelaris mustajab bagi sesuatu perniagaan. Ada yang sanggup berbelanja besar untuk tujuan tersebut. Dalam satu laporan muka depan akhbar *Kosmo* bertarikh 14 Julai 2010, kepercayaan ini amat menebal dalam kalangan masyarakat peniaga sehingga ada yang sanggup membeli burung cenderawasih yang dikatakan dari kayangan dengan harga sejuta ringgit seekor.

Salah satu bentuk kepercayaan ini juga terserlah melalui amalan menggantungkan gambar Sultan Abdul Hamid Shah, iaitu Sultan Kedah yang ke-26 (1882-1943) di sekitar negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang yang tengkoloknya diletakkan jambul atau bulu burung cenderawasih. Jambul burung cenderawasih pada tengkolok sultan itu dipercayai sebagai pelaris perniagaan. Penulis pernah melihat gantungan gambar ini di sebuah restoran di Bukit Jambul, Pulau Pinang pada awal tahun 2012. Kebetulan penulis makan di restoran tersebut pada hari pertama pembukaannya. Namun pada hari ini, restoran tersebut telah ditutup.

Ayat al-Quran dan Doa

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, ada juga para peniaga yang menggantungkan ayat al-Quran di premis perniagaan mereka. Antaranya ayat seribu dinar (iaitu sebahagian daripada ayat 2-3 daripada *Surah al-Talak*) dan menganggapnya sebagai suatu kaedah pelaris. Ada juga yang menggantungkan bingkai gambar yang mengandungi *Surah al-Ikhlâs*, *al-Falaq* dan *al-Nas*. Ada juga dalam kalangan mereka yang



Rajah 3 Gantungan gambar kombinasi ayat *al-muqattaat*.



Rajah 4 Gambar foto doa murah rezeki.

Ertinya:
 "YA Allah, Zat Yang memiliki kekuasaan yang agung, yang memiliki anugerah yang terdahulu, memiliki wajah yang mulia, menguasai kalimat-kalimat yang sempurna, dan doa-doa yang mustajab, penanggung Hasan dan Husain dari jiwa-jiwa yang haq, dari pandangan mata yang memandang, dari pandangan mata manusia dan jin. Dan sesungguhnya orang-orang kafir besar-besar akan menggelincirkan kamu dengan pandangan mereka, ketika mereka mendengar Al Quran dan mereka berkata: "Sesungguhnya (Muhammad) benar-benar orang yang gila, dan Al Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi seluruh umat. Dan yang mengijabahi Luqmanul Hakim, dan Sudaiman telah mewarisi Daud a.s. Allah adalah Zat Yang Maha Pengasih lagi memiliki singgasana yang mulia, panjangkanlah umurku, sihatlah jasad tubuhku, kabulkan hajatku, perbanyaklah harta bendaku dan anakku, cintakanlah semua manusia, jauhkanlah permusuhan dari anak cucu Nabi Adam a.s., orang-orang yang masih hidup dan semoga tetap ancaman siksa bagi orang-orang kafir. Dan katakanlah: "Yang haq telah datang dan yang batil telah musnah, sesungguhnya perkara yang batil itu pasti musnah". Dan Kami turunkan dari Al Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan Al Quran tidak akan menambah kepada orang-orang yang berbuat aniaya melainkan hanya kerugian, Maha Suci Allah Tuhanmu Tuhan Yang Maha Mulia dari sifat-sifat yang diberikan oleh orang-orang kafir. Dan semoga keselamatan bagi para Rasul. Dan segala puji bagi Allah Tuhan Semesta Alam."

menggantungkan ayat Kursi (ayat 155 daripada *Surah al-Baqarah*), ada juga yang menggantungkan *Surah al-Waqiah*, potongan awal *Surah al-Muqattaat* dan doa murah rezeki. Malahan, ada dalam kalangan pengusaha kedai yang bukan sekadar menggantung ayat suci al-Quran tetapi memasang ayat tersebut di radio terutamanya *Surah al-Waqiah* sebagai usaha untuk mengundang rezeki dan beroleh keuntungan dalam perniagaan yang diusahakan. Ada juga peniaga yang beramal dengan *Surah Yasin* dengan meminta para pekerjanya membaca beramai-ramai sebelum kedai dibuka.

Wafak Pelaris

Daripada pemerhatian pengkaji juga terdapat premis perniagaan yang menggunakan wafak pelaris untuk melariskan perniagaan masing-masing. Antara jenis wafak yang digunakan ialah wafak yang berkaitan dengan nama-nama wali tujuh *Ashab al-Kahfi* dan penggunaan jadual, rajah tertentu yang mempunyai nombor dan huruf yang sukar untuk dimengerti. Yang berikut ini dipaparkan salah satu contoh gambar wafak yang digunakan peniaga.

Wafak pelaris diambil gambar fotonya pada 12 Oktober 2012 di sebuah kedai gunting rambut di Paya Keladi, Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Pemilik kedainya, iaitu peniaga C memberitahu pengkaji bahawa, beliau mendapat



Rajah 5 Gambar foto wafak di sebuah kedai gunting rambut di Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

salinannya daripada seorang kawan yang mendapatkannya dari sebuah madrasah di Guar Cempedak, di Tasek Gelugor. Apabila ditanya apakah tujuan beliau menampalkannya di dalam kedai, beliau menjawab, “Ia digunakan sebagai pelaris dan pendinding”. Beliau berkata lagi: “Tiada benda ini susah jugak”. Daripada ungkapannya ini jelas menggambarkan kerisauan beliau terhadap persaingan perniagaan dan hasad dengki daripada pesaingnya. Apatah lagi selang beberapa premis kedainya, terdapat kedai gunting rambut yang diusahakan oleh seorang peniaga berbangsa India. Menurut seorang responden bekas sami yang berbangsa India yang telah memeluk Islam yang ditemu bual pengkaji di Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam, Pulau Pinang, dia mengatakan bahawa orang Hindu banyak menggunakan sihir dalam perniagaan dan aktiviti seharian mereka. Berdasarkan keterangan di atas, keseimbangan peniaga C itu ada asasnya, cuma penilaian dari perspektif akidah Islam akan dilihat nanti dalam analisis berikutnya.

PENGGUNAAN AZIMAT PELARIS DAN HUBUNGANNYA DENGAN AKIDAH ISLAM

Berdasarkan maklumat tentang kaedah azimat pelaris perniagaan tersebut, bahagian ini pula akan menganalisis praktis para peniaga tersebut menurut perspektif akidah Islam.

Tangkal yang Dijampi

Tangkal yang dijampi yang digunakan oleh peniaga A di atas jelas mempunyai unsur memohon bantuan daripada bomoh melalui perantaraan jin. Dari sudut akidah Islam, memohon sesuatu hajat (dalam kes ini untuk melariskan jualan) daripada sesuatu selain Allah SWT adalah haram hukumnya. Meminta bantuan jin untuk memenuhi hajat keuntungan dalam perniagaan merupakan satu bentuk perbuatan syirik kerana meletakkan kebergantungan kepada makhluk dalam hal perolehan rezeki. Bomoh yang mengenakan syarat seperti tangkal yang perlu diperasapkan juga jelas menggambarkan unsur dan pengaruh magis tinggalan pemikiran animisme dan mempunyai kaitan dengan meminta bantuan dari alam jin. Dari perspektif akidah Islam juga, yang memberi rezeki ialah Allah SWT. Oleh yang demikian, meminta bantuan untuk memperoleh rezeki daripada selain daripada-Nya termasuk dalam kesalahan dosa mensyirikkan Allah SWT. Menurut Abu Bakr Muhammad Zakariya (2001: 685), praktis sedemikian termasuk dalam kategori menyekutukan Allah dari sudut *rububiyah*-Nya dalam hal perbuatan Allah yang memberikan rezeki kepada sekalian makhluk-Nya.

Sementara itu, petua perasapan supaya azimat tersebut menjadi atau pantang larang yang perlu dipatuhi yang disyaratkan oleh bomoh itu sekadar digunakan untuk menjadi hujah jika apa-apa yang diminta daripada bomoh tersebut tidak menjadi sebagaimana yang diinginkan daripada peminta pelaris. Hal ini pernah disentuh oleh Nelly Lecomte (2005:198):

... The fetish is associated with a list of sacrifices to make and restriction to respect- all these rituals being part of the web created by the magician to protect himself against the eventual failure of his art to cure a person who has come to him for help.

Sementara itu, menurut peniaga D di Bukit Jambul, Pulau Pinang penggunaan tangkal dan azimat yang diperoleh daripada bomoh Siam sebagai contoh memang malariskan jualan. Namun demikian, keuntungan perniagaan itu ada tempoh masanya. Sampai satu ketika, perniagaan itu akan merosot dan peniaga tersebut perlu berjumpa bomoh kembali untuk tujuan pembaharuan pelaris. Perkara yang sedemikian akan menyebabkan peniaga terjebak dengan perbuatan syirik secara berpanjangan akibat kerakusan nafsu mengejar keuntungan. Perbuatan syirik merupakan dosa besar yang tidak diampunkan Allah dan akan diazab di hari akhirat kelak jika pelakunya tidak bertaubat (al-Zahabi, t.t : 38 dan 39). Pada hakikatnya, para peniaga yang beramal dengan jampi dan sihir telah dipermainkan oleh syaitan dengan tipu dayanya melalui bomoh yang bersubahat menipu peniaga yang datang untuk mendapatkan khidmatnya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Barangsiapa yang berpaling daripada pengajaran Tuhan Yang Maha Pemurah (al-Quran), kami adakan baginya syaitan (yang menyesatkan) maka syaitan itulah yang menjadi teman yang selalu menyertainya. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu benar-benar menghalangi mereka dari jalan yang benar dan mereka menyangka bahawa mereka mendapat petunjuk.

(Surah al-Zukhruf 43:36-37)

Allah SWT juga berfirman yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Barangsiapa yang mengikuti jejak langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu

menyuruh mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar.”

(Surah al-Nur 24:21)

Nabi Muhammad SAW juga pernah bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya jampi-jampi, azimat-azimat dan guna-guna adalah syirik.

(Ahmad dan Abu Daud)

Sesiapa sahaja yang menggantungkan azimat, maka mudah-mudahan Allah tidak menyempurnakannya. Dan sesiapa yang menggantungkan kalung, maka mudah-mudahan Allah SWT tidak memeliharanya.

(Ahmad, Abu Ya`la dan Tabarani)

Daripada ayat al-Quran dan hadis di atas dapat difahami bahawa ajaran Islam dengan tegas menegah perbuatan mempercayai dan memakai sebarang bentuk azimat atau tangkal untuk mendapatkan perlindungan, tuah, keuntungan dan sebagainya.

Gantungan Gambar Tokoh

Gambar tokoh yang digantung digunakan untuk melariskan jualan juga tidak mempunyai sandaran nas yang kuat menurut ajaran Islam. Temu bual ringkas dengan peniaga yang mengamalkannya mendapati bahawa para peniaga terbabit lebih terpengaruh dengan amalan pesaing atau sekadar mengikut tradisi setempat dari sudut pengamalannya. Gantungan gambar tokoh tersebut lebih kepada bertawassul dan bertabaruk kerana mereka mempercayai akan kekeramatan dan kehebatan ulama tersebut mampu mendatangkan manfaat keuntungan dalam perniagaan. Menurut akidah Islam, tawassul dan tabaruk dengan hal yang sedemikian adalah tidak diharuskan dan termasuk dalam tawassul dan tabaruk yang bidah. (Abu Bakr, 2001:1167). Dalam hal ini juga, Ibn Taymiyyah (1983M/1403H: 30) menyatakan bahawa tidak ada dalam syariat Islam untuk memohon doa, keberkatan dan sebagainya daripada mayat terhadap apa-apa jua perkara.

Tawassul dan tabaruk yang diamalkan oleh peniaga dalam kajian yang dipaparkan sebelum ini jelas tidak menepati kehendak syarak dan terpesong daripada ajaran Islam sebenar. Antara bentuk syirik termasuklah tanggapan bahawa ulama tertentu mempunyai kekeramatan yang boleh memberikan manfaat pelaris kepada

perniagaan mereka. Walaupun tidak jelas data yang menunjukkan secara langsung bahawa para peniaga memohon doa atau pertolongan daripada para wali dan orang soleh yang telah meninggal dunia, tetapi usaha menggantungkan gambar tersebut mempunyai kaitan dalam hal kebergantungan dan berperantara dalam memenuhi hajat keuntungan dalam perniagaan.

Islam amat menekankan bahawa permohonan pertolongan dan doa (*al-Istighathah*) hanya layak dipohon kepada Allah SWT. Dalam *Surah al-Fatihah*, ayat 5 menekankan akidah tersebut. “Hanya sanya kepada engkau (Allah), kami sembah, dan hanya sanya kepada engkau (Allah), kami meminta pertolongan. Ibn Taymiyyah dalam *Majmu ah al-Rasa’il wa al-Masa’il* (1983M/1403H : 20-21) turut menekankan hal sedemikian. Beliau memetik kata-kata menarik daripada Abu Yazid al-Bistami yang menyatakan bahawa memohon pertolongan daripada makhluk kepada makhluk samalah seperti memohon pertolongan untuk dilepaskan dari penjara kepada seseorang yang turut terpenjara. Dalam sejarah kenabian, apabila para nabi menghadapi ujian daripada musuh Allah, para nabi seperti Nabi Muhammad SAW dan Nabi Musa a.s bermunajat terus kepada Allah memohon bantuan dan pertolongan daripada-Nya.

Lihat sahaja sirah Nabawiyah tentang perang Badar, tatkala umat Islam bilangannya masih sedikit dalam menghadapi bala tentera kafir yang ramai, Nabi Muhammad SAW terus berdoa memohon bantuan Allah. Dalam *Surah al-Anfal* ayat 8:9, “Ingatlah ketika kamu memohon pertolongan daripada Tuhanmu, lalu diperkenankan-Nya bagimu: “Sesungguhnya Allah akan mendatangkan bala bantuan kepadamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut ...”. Begitu juga dalam ayat 56-57, *Surah al-Isra’*, betapa Allah menekankan akidah kebergantungan hanya kepada-Nya dalam memohon bantuan tatkala menghadapi kesukaran hidup dan musibah. “Katakanlah (Muhammad): “Panggillah mereka yang kamu anggap (Tuhan) selain Allah, maka mereka tidak akan mempunyai kekuasaan menghilangkan bahaya daripada kamu dan tidak pula memindahkannya. Orang yang mereka seru itu, mereka sendiri mencari jalan kepada Tuhan mereka, siapa antara mereka yang lebih dekat (kepada Allah) dan mengharap rahmat-Nya dan takut akan azab-Nya, sesungguhnya azab Tuhanmu sesuatu yang (harus) ditakuti”. Dalam *Tafsir al-Tabari* (2001M/1422H : Juz 14, 626-627) perkataan mereka menganggap Tuhan itu meliputi malaikat, Uzair, al-Masih dan sebilangan daripada jin. Berhala juga termasuk dalam tafsiran ini kerana golongan musyrikin Mekah sememangnya terkenal sebagai penyembah berhala.

Banyak ayat al-Quran yang lain yang menekankan bahawa pertolongan dan syafaat sebenar merupakan milik Allah (lihat *Surah al-Saba’* 34:22-34, *Surah al-Baqarah* 1:255, *Surah al-Sajadah* 32:4, *Surah Yunus* 10:18, *Surah Taha* 20:109, *Surah al-Anbiya’* 21:28). Dalam hal syafaat ini, Ibn Taymiyyah memberikan peringatan

akan dua jenis bentuk syafaat, iaitu syafaat yang sabit dengan praktis orang yang mensyirikkan Allah atau memohon pertolongan selain daripada Allah dan syafaat jenis kedua ialah syafaat yang diminta daripada pemberi syafaat yang diizinkan Allah. Daripada perbincangan tersebut jelas menggambarkan bahawa penggunaan tangkal azimat pelaris dengan kepercayaan akan kesaktian dan keluarbiasaannya mendatangkan rezeki merupakan sesuatu yang haram dan bercanggah dengan akidah Islam.

Namun demikian, dalam konteks kajian ini perlakuan menggantungkan gambar orang soleh dalam premis perniagaan jika hendak dihukumkan salah atau tidak hendaklah juga berdasarkan niat pemilik kedai untuk tujuan apakah sesuatu gambar itu digantung. Jika ada pemikiran dan kepercayaan yang menganggap bahawa gambar itu ada kuasa yang melariskan perniagaan mereka maka hakikat tauhid *rububiyyah* Allah telah tersasar daripada keimanannya. Dalam erti kata lain kepercayaan ini telah tersesat dalam hal auhid. Bahkan pemikiran dan amalan sebegini asas kepada bermulanya kesyirikan umat Nabi Nuh a.s yang terlalu mengagung-agungkan orang soleh yang telah meninggal dunia dalam kalangan mereka. Akhirnya melalui bisikan dan tipu daya syaitan, generasi terkemudian telah terjebak dalam penyembahan gambar dan patung yang dibuat oleh generasi awal yang asalnya hanyalah untuk memperingati sahaja orang soleh tersebut. Dalam hal ini, Ibn Taimiyyah (1983M/1403H:31) dalam *Majmu 'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il* menganggap perbuatan ini sebagai satu bentuk bidah sesat dan penyebab kepada penyembahan berhala.

Akan tetapi jika para peniaga sekadar menggantungkan gambar itu sebagai hiasan dinding di premis perniagaan mereka, maka tidaklah menjadi kesalahan kerana tujuannya untuk tampak cantik dan tiada unsur mensyirikkan Allah padanya. Namun berdasarkan pengalaman sejarah umat Nabi Nuh a.s yang dibincangkan di atas, gambar orang soleh yang telah meninggal seperti gambar Tok Kenali, Abdullah Fahim, Wali Songo dan sebagainya adalah lebih baik tidak digantung di premis perniagaan sebagai langkah pencegahan daripada terjebak ke alam pemikiran yang dibisikkan syaitan untuk mempercayai bahawa gambar tersebut berperanan melariskan perniagaan mereka. Atau dibimbangi generasi akan datang menganggap gambar itu istimewa dan ada kuasa sakti yang menyebabkan berlakunya dosa syirik kepada Allah SWT.

Burung Cenderawasih

Gambar burung cenderawasih pula dilihat tidak mempunyai asas yang kuat dalam Islam dari sudut pengamalannya. Tiada sandaran dalil yang mengharuskan kepercayaan kepada burung cenderawasih sebagai pelaris tersebut. Malah pengamalannya berdasarkan ikut-ikutan yang diamalkan oleh peniaga lain. Maka,

dalam hal ini para peniaga seharusnya tidak terikut-ikut kebiasaan yang diamalkan oleh orang lain dalam beramal. Jika ada unsur kepercayaan dan pemikiran yang menganggap burung cenderawasih atau ekor bulunya memberikan dan menambahkan rezeki dalam perniagaan maka hal ini adalah salah menurut akidah Islam. Asas kepercayaan dalam hal rezeki ini ialah Allah SWT yang memberi rezeki kepada manusia. Terdapat banyak nas dan dalil al-Quran yang menyatakan sedemikian, antaranya, firman Allah SWT yang bermaksud :

Katakanlah, "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi, atau siapakah yang miliki pendengaran dan penglihatan, dan siapakah yang keluarkan yang hidup daripada yang mati, dan keluarkan yang mati daripada yang hidup dan siapakah yang mengarah semua urusan?" Mereka akan berkata, "Allah" Kemudian katakanlah. "Tidakkah kamu bertakwa?"

(Surah Yunus 10:31)

Berdasarkan *Tafsir al-Maraghi* (1946:99), ayat di atas jelas menyatakan tentang hakikat tauhid bahawa Allah sebagai pentadbir rezeki bagi sekalian makhluk. Ayat tersebut diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW supaya ditanyakan kepada kaum Musyrikin Mekah siapakah yang memberikan rezeki kepada mereka? Malah mereka turut menjawab, Allah SWT yang memberikan rezeki kepada mereka. Ayat ini seharusnya menjadi pegangan akidah para peniaga Islam supaya yakin dan meminta rezeki hanya daripada Allah SWT. Malah, Allah yang berkuasa sama ada untuk memudahkan urusan pencarian rezeki seseorang atau menyukarkannya. Firman Allah SWT juga yang bermaksud: "Allah yang meluaskan dan menyempitkan rezeki-Nya kepada siapa yang Dia kehendaki." (*Surah al-Ra'd* 13:26).

Oleh yang demikian, mempercayai gantungan gambar Sultan Abdul Halim yang ada pada tengkoloknya ekor bulu burung cenderawasih sebagai pelaris yang menambahkan rezeki merupakan suatu bentuk khurafat dan jelas bertentangan dengan akidah Islam. Hal ini boleh menjejaskan pegangan akidah bagi mereka yang mempraktiskannya dengan pemikiran yang sedemikian kerana jelas bercanggah dengan nas dan dalil al-Quran yang menekankan bahawa pemberi rezeki yang sebenar ialah Allah SWT.

Ayat al-Quran dan Doa

Penggunaan ayat al-Quran dan doa juga dari sudut cara pengamalan dalam kalangan para peniaga boleh disifatkan sebagai separa betul kerana bergantung pada niat dan cara beramal dengannya. Pada asalnya, ayat al-Quran digunakan untuk tujuan sesuatu yang baik seperti menyembuhkan penyakit dan sebagai pelindung diri

daripada kejahatan makhluk. Hal ini diharuskan asalkan ada sandaran dalil yang sah untuk tujuan pengamalannya. Namun penggunaan ayat al-Quran dengan cara menggantungkannya sahaja untuk tujuan pelaris adalah bertentangan dengan syariat. Ayat al-Quran diturunkan bukanlah sekadar untuk tujuan tersebut tetapi untuk dibaca, difahami, dihayati dan diamalkan.

Hakikatnya, pelaris yang sah dalam perniagaan ialah pelaris yang bersumberkan ilmu dan amalannya daripada al-Quran dan sunnah. Ilmu pelaris yang sebenarnya adalah untuk memahami akan hakikat takwa dan tawakal dalam usaha menjayakan sesuatu perniagaan dan mengaplikasinya dengan penuh ikhlas kerana Allah. Menggantung sahaja ayat 1000 dinar sebagaimana yang diamalkan oleh ramai para peniaga muslim tidaklah tepat amalannya seandainya tidak difahami kehendak ayat tersebut. Ayat 1000 dinar atau lebih tepat petikan sebahagian ayat 2 dan ayat 3 daripada *Surah al-Talaq* ialah ayat yang berkaitan dengan suruhan takwa dan tawakal. Allah SWT berfirman:

“...Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tidak disangkanya. Dan barangsiapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan (yang dikehendaki)Nya. Sesungguhnya, Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Talaq 65:2-3)

Menggantungkan atau melekatkan ayat seribu dinar sahaja di kedai, restoran dan sebagainya tanpa usaha memahami dan mempraktiskannya apa yang dikehendaki daripada nas ayat tidak akan berhasil membawa keuntungan kepada sesuatu perniagaan. Suruhan takwa dalam ayat membawa erti yang cukup luas, iaitu melaksanakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dalam erti kata lain, para peniaga yang ingin memperoleh keuntungan hendaklah mengamalkan etika perniagaan Islam. Tuntutan tawakal pula menuntut para peniaga Muslim menyerahkan segala urusan dan ketentuan sesuatu kepada Allah setelah berusaha sehabis daya menjayakan perniagaan mereka.

Malah, masyarakat Melayu yang amat rapat mengamalkan bacaan Yasin pada malam Jumaat, ketika melakukan kenduri selamat dan sebagainya, sewajibnya faham akan sebahagian kisah akidah *Ashab al-Qaryah* akan kebergantungan pada Allah ketika menghadapi musibah dan bencana. Dalam *Surah Yasin*, ayat 22-27 dikisahkan:

Mengapa aku tidak menyembah (Tuhan) yang telah menciptakanku dan yang hanya kepada-Nyalah kamu (semua) akan dikembalikan? (23). Mengapa aku akan menyembah tuhan-tuhan selainnya jika (Allah) yang Maha Pemurah menghendaki kemudahan terhadapku, nescaya syafaat mereka tidak memberi manfaat sedikit pun bagi diriku dan mereka tidak (pula) dapat menyelamatkanku? (24). Sesungguhnya aku kalau begitu pasti berada dalam kesesatan yang nyata (25). Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhanmu; Maka dengarkanlah (pengakuan keimanan) ku (26). Dikatakan (kepadanya): “Masuklah ke syurga”[1265]. ia berkata: “Alangkah baiknya sekiranya kaumku Mengetahui” (27). Apa yang menyebabkan Tuhanku memberi ampun kepadaku dan menjadikan Aku termasuk orang-orang yang dimuliakan”.

Menurut riwayat dalam *Tafsir al-Kabir* (1981M/1401H: 60-61), lelaki itu dibunuh oleh kaumnya setelah dia mempertahankan dan menyokong dakwah tauhid daripada utusan Allah dan dikurniakan syurga Allah kerana mempertahankan akidah tauhidnya. Di samping keyakinannya bahawa Allah sebagai pemberi syafaat kepadanya tatkala ditimpa musibah. Lelaki tersebut juga tergolong dalam kalangan mereka yang dimuliakan Allah kerana dua sebab, iaitu keimanan dan amal solehnya. Ayat dan kisah dalam *Surah Yasin* ini sepatutnya menjadi pengajaran supaya masyarakat Melayu teguh mempertahankan akidah dengan hanya bergantung dan memohon pertolongan daripada Allah sahaja, tidak selain daripada-Nya.

Wafak Pelaris

Bagi penggunaan wafak pelaris pula terdapat dua pandangan dalam bentuk penggunaannya. Ada yang mengharuskannya dan ada yang menegah penggunaannya sebagai azimat pelaris perniagaan. Kajian lanjut mengenai gambar foto dalam Rajah 5 yang diperolehi melalui kajian lapangan yang digunakan sebagai pelaris dan pendinding serta di dalamnya memuatkan keterangan mengenai kelebihan *Ashab al-Kahfi* serta wafak menemui beberapa penemuan. Huraian mengenai kisah nama *Ashab al-Kahfi* dan fadilatnya terdapat kupasannya dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*. Muhammad Said bin Omar selaku pengarang kitab tafsir Melayu Jawi tersebut telah menghuraikan mengenai nama-nama *Ashab al-Kahfi* semasa mentafsirkan ayat 13 *Surah al-Kahfi*. Mereka ialah pemuda-pemuda yang bernama Maksalmina, Tamlikha, Martunus, Nainunis, Sarbunis, Zu Nawanis dan Falyantatiyunus bersama anjing mereka yang bernama Qitmir. Beliau menambah bahawa ketujuh-tujuh nama itu mempunyai sembilan khasiat. Yang berikut merupakan nukilan daripada *Tafsir Nur al-Ihsan* mengenai nama *Ashab al-Kahfi*:

...Kata Ibn Abbas tujuh orang, Maksalmina, Tamlikha, Martunis, Nainunis, Sarbunis, Zumuwanis dan Falyantatyunis ia gembala kambing. Nama anjing Qitmir. Khasiat segala nama-nama itu bagi sembilan perkara. Bagi talab dan harb tuntutan dan lari, dan padam terbakar disurat pada perca kain lempar tengah api, dan bagi menangis budak-budak dan bagi demam selang dan bagi suda' sakit kepala diikat lengan kanan, dan bagi umm al-Sibyan hantu pengusik budak-budak dan bagi berjalan pada darat dan laut dan bagi pelihara harta dan bagi bertambah akal dan bagi lepas orang yg berdosa. Kata setengah ulama ajar oleh kamu akan anak kamu ini segala nama-nama, maka bahawasanya jika disurat di pintu rumah tiada terbakar dan atas mata benda tiada kena curi dan atas perahu tiada karam.

(Muhammad Said Umar, 1970. *Tafsir Nur Al Ihsan*. Jilid 3. Fatani. Thailand: Matba'ah bin Halabi, hlm. 4)

Kata sesetengah ulama "ajar oleh kamu akan anak kamu ini segala nama-nama, maka bahawasanya jika disurat di pintu rumah tiada terbakar dan atas mata benda tiada kena curi dan atas perahu tiada karam" (jilid 3, hlm. 4).

Menurut Tewfik Canaan (2004:145-46) pula, nama-nama *Ashab al-Kahfi* mempunyai beberapa versi dalam bahasa Greek dan bahasa Arab yang berbeza-beza manakala anjing mereka yang bernama Qitmir dipercayai antara haiwan yang akan masuk syurga. Peristiwa dalam kisah ini memainkan peranan penting dalam hal magis sehingga ada yang membawanya bersama dalam bentuk roset dan tangkal. Malah, nama Qitmir dipercayai jika ditulis di atas sampul surat akan memastikan surat itu selamat ke destinasiya.

Kajian menunjukkan bahawa wafak ini termasuk dalam kategori wafak yang hakiki dan benar. Hal ini berdasarkan keterangan Tewfik Canaan (2004:164) yang menyatakan jika jumlah nombor yang dicampurkan secara menegak dan mendatar adalah sama maka wafak tersebut adalah daripada jenis wafak hakiki dan jika sebaliknya dinamakan sebagai wafak majazi. Jumlah bagi wafak di atas ialah 32 bagi jumlah yang dicampur secara menegak dan mendatar. Pengkaji tidak dapat mentafsirkan apakah signifikan angka 32 kepada wafak tersebut. Peniaga yang menggunakan wafak tersebut juga tidak mengetahui maksud wafak tersebut dan hanya bergantung pada keyakinan bahawa rakannya yang memperoleh salinan azimat itu daripada salah seorang guru pondok. Dalam hal ini, beramal dengan sesuatu yang tidak diketahui maknanya hendaklah dielakkan kerana dibimbangi terjebak dalam amalan ilmu yang salah di sisi syariat Islam.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya dapatlah dirumuskan bahawa, perbuatan melariskan perniagaan itu dituntut oleh agama dengan kaedah yang sah dan tidak bercanggah dengan kehendak syarak. Namun demikian, perbuatan ini ditegah dan dilarang jika usaha melariskan perniagaan itu melibatkan unsur syirik dan khurafat yang bertentangan dengan akidah Islam. Oleh yang demikian, para peniaga Muslim wajib menyedari bahawa keuntungan yang sedikit, tetapi diperoleh dengan cara halal dan sah di sisi syarak adalah lebih baik dan lebih berkat daripada keuntungan yang berlipat kali ganda tetapi dimurkai Allah kerana melibatkan perbuatan syirik dan khurafat dalam penggunaan pelaris. Menggunakan tangkal, azimat dan sihir bukanlah jaminan akan beroleh keuntungan yang berlipat kali ganda dalam sesuatu perniagaan. Cara yang terbaik yang perlu dilakukan oleh para peniaga adalah dengan sentiasa mengamalkan takwa, tawakal dan berdoa selalu kepada Allah supaya dimudahkan rezeki dan dijauhi daripada musibah khianat rakan peniaga yang lain dan sentiasa mengamalkan etika perniagaan Islam seperti bersih, amanah dan jujur. Para peniaga seharusnya mengamalkan ilmu pelaris dengan yakin bersumberkan syarak dan tidak bertentangan dengan akidah Islam.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada kajian cuti sabatikal penulis di School of Oriental dan African Studies (SOAS), University of London dari 26 Ogos 2013 hingga 25 Mei 2014. Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas pembiayaan kajian cuti sabatikal ini. Penulis juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Dr. Carol Tan, Pengerusi Central of South East Asia Studies atas penerimaan penulis sebagai Academic Visitor di SOAS, University of London, United Kingdom.

RUJUKAN

- Abu Bakr Muhammad Zakariya, 2001M/1422H. *Al-Syirk fi al-Qadim wa al-Hadith*. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ahmad Zuhairi Abdul Halim, Hariza Mohd Yusof dan Nizamiah Muhd Nor (ed.), 1999. *Amalan Mistik dan Kebatinan serta Pengaruhnya terhadap Alam Melayu*. Petaling Jaya: Tamadun Research Trust.
- A.W. Hamilton, "Malay Love Charms" dlm. *Journal of the Malayan Branch of the Royal*

- Asiatic Society* 4:1(96) hlm. 136-38, 1926.
- Al-Maidani, ‘Abd al-Ghani al-Ghanimi, 1982M/1402H. *Syarah al-‘Aqidah al-Tahawiyiyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa, 1946M/1365H. *Tafsir al-Maraghi*. Juz 11. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah al-Babi al-Halabi wa Auladihi.
- Al-Razi, Muhammad Fakr al-Din Ibn al-‘Allamah Diya’ al-Din ‘Umar, 1981M/1401H. *Tafsir al-Fakr al-Razi*. Juz. 26. Beirut : Dar al-Fikr
- Al-Saqaf, Hasan ‘Ali, 1998M/1419H. *Sahih Syarh al-‘Aqidah al-Tahawiyiyah*. Amman: Dar al-Imam al-Nawawi.
- Al-Tabari, Abi Ja ‘afar bin Jabir, 2001M/1422H. *Tafsir al-Tabari Jami ‘ al-Bayan ‘an Ta ‘wil Ay al-Qur ‘an*. Juz. 14. t.p: Dar al-Hijr li al-Tiba ‘ah wa al-Nasyr wa Tauzi‘ wa al-‘Iqlan.
- Al-Zahabi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Uthman, t.t. *Kitab al-Kaba’ir wa Tabyin al-Muharram*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Amat Juhari Moain, 1990. *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin, 2002. *Tanda Sihir dan Kekuatan Roh untuk Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Belucci, Thomas Wilson, “The Amulet Collection of Professor Belucci” dlm. *Journal of American Folk-Lore* 4:13, 1981.
- Emelie Savage-Smith, 2004. *Magic and Divination in Early Islam*. Great Britain: Ashgate Publishing Limited.
- Geert Mommersteeg, 1990. *Allah’s Words as Amulet dalam Etnofoor*, Jaarg 3:2. hlm. 63-76, dipetik dlm. <http://www.jstor.org/stable/25757710>.
- Haron Daud, 1989. *Sejarah Melayu Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Taymiyyah, 1983M/1403H. *Majmu ah al-Rasa’il wa al-Masa’il*. Jilid 1-3. Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.
- Kamus Dewan*, 1998. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Ali, 1990. “*Kepercayaan Orang-orang Melayu terhadap Tangkal dan Azimat: Pandangan Islam Terhadapnya: Satu Kajian di Daerah Dungun, Terengganu Darul Iman*”. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Lecomte, Nelly, 2005. “Commerce and Magic” dlm. *Research in African Literatures* 36:4. USA: Indiana University Press.
- Mohd Fahrur Rozi Ismail, 2006. “*Kepercayaan Masyarakat Melayu terhadap Tangkal dan Azimat: Kajian Menurut Perspektif Islam*”. Universiti Malaya. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005/2006.
- Mohd Nizam Sahad. “Antara Ayat 1000 Dinar, Tangkal dan Perempuan Cantik” dlm.

- Millenia Muslim*. September 2010.
- Muhammad bin Ahmad, 2009. *“The Influence of Culture on Malay Muslim Business Practice: A Case Study of Malaysia with Special References to the State of Kelantan Dar al-Na‘im”*. Tesis Phd D yang tidak diterbitkan. Universiti of Birmingham, United Kingdom.
- Mustafa Wa‘rib, 2007. *Al-Mu‘taqadat al-Sihriyyah wa Taqusiha fi al-Maghrib*. Morocco: Dar al-Huruf li al-Nasyr wa al-Tauzi‘.
- Nina Epton, 1974. *Magic and Mystics of Java*. London: The Octagon Press.
- Rafis Sabirin, 2011. *Pengobatan al-Qur’an Penawar Segala Penyakit*. Kuala Lumpur: MMP Communications Sdn Bhd.
- Soleh Fauzan, 1999. *Kitab Tauhid*. Diterjemah oleh Ainul Haris Arifin & Agus Hasan Bashori. Jakarta: Darul Haq.
- Temu bual dengan Peniaga A, B, C dan D (dirahsiakan identiti atas sebab etika penyelidikan) sekitar tahun 2012 dan 2013 di wilayah utara Semenanjung Malaysia.
- Tewfik Canaan, 2004. “The Decipherment of Arabic Talisman” dlm. Emilie Savage-Smith (ed.). *Magic and Divination in Early Islam*. Great Britain: Ashgate Publishing Limited.
- Walter William Skeat, 1900. *Malay Magic: Being Introduction to Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. London: Macmillan.
- Winstedt, R.O., 1925. *Shaman Saiva and Sufi A Study of the Evolution of Malay Magic*. London: Constable & Company Ltd.